

24/02/1998

Gaduh akibat gagal fahami perjuangan

MUAR, Isnin - Pergaduhan yang berlaku ketika pemilihan Umno peringkat cawangan sekarang dianggap berpunca daripada kegagalan ahli memahami perjuangan asal Umno yang sentiasa mengutamakan agama, bangsa dan negara.

Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, berkata keadaan itu juga berlaku apabila calon yang merebut jawatan tertentu kini mempunyai niat serong menerusi kedudukan yang cuba direbut.

Beliau berkata, nasihat Presiden Umno supaya Ketua Bahagian Umno mengelak perebutan jawatan di Kelantan adalah untuk melihat pemimpin negeri itu mengutamakan perpaduan dalam usaha memantapkan jentera parti.

"Nasihatnya di Kelantan adalah untuk melihat Umno terus kukuh bagi menghadapi sebarang keadaan dan tidak mahu melihat ahli berpecah belah apabila pemimpinnya bercakaran kerana jawatan.

"Pandangan Dr Mahathir adalah baik kerana ketika ini ramai sangat yang nak jadi pemimpin. Kalaupun ada pertandingan, biarlah ia berjalan secara jujur dan bersih," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Sulaiman berkata, walaupun Perlembagaan Umno membenarkan pertandingan bagi memilih pemimpin setiap peringkat tetapi ahli mestilah mengutamakan perjuangan parti demi bangsa, agama dan negara.

Beliau berkata, ahli Umno kini perlu bertindak segera dengan menolak mana-mana pemimpin yang cuba mengamalkan taktik kotor termasuk penggunaan politik wang ketika menawarkan diri untuk merebut jawatan.

"Pemimpin yang dipilih mestilah jujur dan ikhlas dalam memperjuangkan kepentingan agama, bangsa dan negara kerana pada tahun depan, kita akan menghadapi pemilihan peringkat kebangsaan," katanya.

(END)